



**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA,  
JABATAN PENDAFTAR,  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH,  
26600 PEKAN,  
PAHANG DARUL MAKMUR**

### **Kumpulan Pengurusan dan Profesional**

Jumlah Kekosongan Jawatan - **TETAP / KONTRAK : 1**

Penempatan Jawatan: PUSAT TEKNOLOGI DIGITAL, UMPSA PEKAN

#### **PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F41/F44**

Tangga Gaji RM2,250.00 (Minimum) - RM11,110.00 (Maksimum)

**\*PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F9/F10 \*(Gred Lantikan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024)**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) Warganegara Malaysia;

(b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan memiliki

2. Kelayakan Lantikan Bagi Jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F9

(i) Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred F9: RM2,580.00); atau

(ii) Ijazah Sarjana dalam bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred F9: RM3,020.00); atau

(iii) Ijazah Kedoktoran dalam bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred F9: RM3,350.00).

3. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### **SYARAT TAMBAHAN LANTIKAN**

1. Memiliki Kepujian sekurang-kurangnya C6 dalam Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Calon yang mendapat kelulusan *Malaysia University English Test (MUET)* dengan aras minimum 3 boleh dikecualikan mencapai kepujian Bahasa Inggeris (sekurang-kurangnya C6) pada peringkat SPM.

2. Mencapai sekurang-kurangnya CGPA 3.00 pada peringkat ijazah sarjana muda.

### **3. Keutamaan Kepada Calon:**

- a. *Fresh Graduate* adalah digalakkan memohon.
- b. Mempunyai pengalaman dan kemahiran teknikal di dalam pangkalan data.
- c. Mempunyai pengetahuan dalam merekabentuk, mengurus, menyelenggara dan mengaudit sistem pangkalan data.
- d. Mempunyai pengetahuan asas dalam pengurusan dan penyelenggaraan server.
- e. Komited untuk meneroka pengetahuan baharu di dalam pangkalan *Data Oracle*, *Data Analytic* dan *Data Lake* adalah satu kelebihan dan akan diberikan keutamaan.

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik UMPSA berasaskan pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

**SYARAT-SYARAT UMUM**

Pemohon-pemohon yang memohon jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

**TARAF JAWATAN**

Jawatan akan dilantik secara Tetap / Kontrak.

**UMUR PADA TARIKH TUTUP IKLAN**

Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian dengan mengisi maklumat pemohon di laman sesawang UMPSA, [E-recruitment UMPSA](#)

**PERMOHONAN OLEH PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT**

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan salinan Laporan Nilai Prestasi Tahunan tiga (3) tahun terakhir, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan ulasan majikan sama ada menyokong atau tidak permohonan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, Para 18. Sila hantarkan ke alamat berikut :

**BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA****JABATAN PENDAFTAR****CANSELERI TUN ABDUL RAZAK****UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH****26600 PEKAN****PAHANG DARUL MAKMUR**

(U/P : Unit Perjawatan Pentadbiran/Unit Perjawatan Akademik)

**CATATAN AM**

- (a) Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga melalui e-mel yang telah berdaftar dengan UMPSA.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Pemohon yang pernah membuat permohonan pada iklan-iklan yang lalu dinasihatkan mengemukakan semula permohonan jika masih berminat dan layak.

**PERMOHONAN ATAS TALIAN**

TARIKH BUKA : 06/05/2025

TARIKH TUTUP : 20/05/2025